



## **GARIS PANDUAN MENGAJAR AGAMA ISLAM / BERCERAMAH DI NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**

Garis Panduan ini hendaklah dipatuhi oleh mana-mana penceramah atau penganjur yang berhasrat mengajar agama Islam atau mengadakan ceramah agama di Negeri Pahang. Garis Panduan ini adalah berdasarkan kepada Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991, Kaedah-Kaedah Perakuan Kebenaran Mengajar Agama Islam (Pahang) 2017 dan ketetapan Jawatankuasa Penasihat Pendidikan Agama Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.

Tafsiran di dalam Kaedah-Kaedah Perakuan Kebenaran Mengajar Agama Islam (Pahang) 2017

“Mengajar Agama Islam” ertinya mengajar atau memberi ceramah, syarahan, kuliah, khutbah, tazkirah atau dengan apa cara sekalipun yang seumpama dengannya, berhubung dengan agama Islam kepada orang ramai”.

“Ahli Sunnah Wal Jamaah” ertinya golongan yang berpegang dengan al-Quran dan as-Sunnah dari segi aqidah berdasarkan aliran al-Asya’irah dan al-Maturidiyah manakala syariahnya mengutamakan qaul muktamad daripada mazhab Syafie dan qaul muktamad mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali”.

### **A. SYARAT MENGAJAR AGAMA ISLAM / BERCERAMAH**

- i. Mempunyai Perakuan Kebenaran Mengajar Agama Islam Pahang atau Kebenaran Khas (Berceramah) yang masih dalam tempoh sah.
- ii. Mengajar Agama Islam / Berceramah hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:
  - (a) tidak menyebarkan apa-apa fahaman atau ajaran yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah;
  - (b) tidak menghina apa-apa perkara furu’;
  - (c) tidak menyentuh apa-apa perkara berhubung dengan kedaulatan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong dan mana-mana Sultan sebagai Ketua agama Islam dalam sesebuah Negeri;
  - (d) tidak menghina perkara khilafiah yang terdapat dalam empat mazhab yang muktabar (Syafie, Hanafi, Maliki dan Hanbali);
  - (e) tidak menyentuh isu politik kepartian;

- (f) tidak menyentuh secara langsung peribadi mana-mana individu;
  - (g) mematuhi apa-apa peraturan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang relevan;
  - (h) tidak menghina mana-mana pihak berkuasa agama;
  - (i) tidak mengutip derma tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis; dan
  - (j) mematuhi apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa dari semasa ke semasa.
- iii. Kebenaran mengajar agama yang diberikan kepada pemegang Perakuan Kebenaran Mengajar Agama Islam adalah tidak termasuk kebenaran berkhotbah pada hari Jumaat.

## **B. PENGGANTUNGAN ATAU PENARIKAN BALIK KEBENARAN MENGAJAR AGAMA / BERCERAMAH**

Jawatankuasa boleh menggantung atau menarik balik sesuatu Perakuan, jika Jawatankuasa mendapati telah :

- (a) melanggar mana-mana terma, syarat sekatan yang dikenakan atas perakuan;
- (b) memberi apa-apa tafsiran yang tidak tepat, mengelirukan atau bercanggah dengan ajaran Islam;
- (c) tidak mematuhi apa-apa arahan, larangan atau perintah yang dikeluarkan oleh Majlis atau Jawatankuasa;
- (d) berkelakuan dengan cara yang mencemarkan agama Islam;
- (e) mengajar apa-apa sahaja yang berkaitan dengan agama Islam secara bertentangan dengan fiqh mazhab as-Syafie atau aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah melainkan dengan kebenaran khas Jawatankuasa;
- (f) menyentuh isu politik kepartian semasa mengajar;
- (g) menyentuh isu sensitif yang menjejaskan perpaduan masyarakat;
- (h) mempertikaikan mana-mana fatwa yang sah;
- (i) telah mengutip derma tanpa kebenaran bertulis majlis; dan
- (j) menjadi tidak waras.

**C. PERMOHONAN KEBENARAN MENGAJAR AGAMA/BERCERAMAH**

- i. Membuat permohonan secara atas talian melalui *e-Perakuan* di capaian [eperakuan.muip.gov.my](http://eperakuan.muip.gov.my) atau [www.muip.gov.my](http://www.muip.gov.my)

**D. WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG NO.1152**

Amalan-amalan khilafiah yang diterima dan diamalkan oleh umat Islam di Negeri Pahang Darul Makmur sejak dahulu tidak boleh dihukum sebagai bid'ah dholalah (sesat) :

1. Membaca surah Yasin pada malam Jumaat;
2. Membaca talqin untuk simati;
3. Mengadakan kenduri arwah dengan membaca Yasin dan bertahlil;
4. Mengadakan sambutan Maulidur Rasul/ Israk & Mikraj/ Ma'al Hijrah;
5. Membaca surah Yasin 3 kali di malam Nisfu Sya'ban;
6. Berdoa beramai-ramai selepas solat berjemaah;
7. Membaca wirid dan zikir secara kuat/ nyaring beramai-ramai selepas solat fardhu;
8. Membaca '*basmalah*' secara kuat/ nyaring dalam solat fardhu;
9. Menyebut lafaz '*Usalli*' dalam niat solat;
10. Membaca qunut dalam solat subuh;
11. Bersalaman selepas solat berjemaah;
12. Solat sunat sebelum solat maghrib;
13. Solat sunat sebelum solat Jumaat;
14. Terbatal wuduk dengan sebab bersentuhan lelaki dengan perempuan yang harus dikahwini;
15. Bilangan rakaat bagi solat sunat tarawih 20 rakaat;
16. Menyapu muka selepas memberi salam;
17. Konsep pengamalan hadith dhaif;
18. Menyebutkan perkataan '*saiyidina*' dalam solat;
19. Sedekah bacaan al-Fatihah atau membaca al-Quran kepada simati;
20. Ziarah kubur pada hari raya;
21. Bacaan doa awal dan akhir tahun hijrah;
22. Solat hajat secara berjemaah;

23. Bacaan selawat secara nyaring ketika solat tarawih;
24. Menggerakkan jari telunjuk hanya sekali ketika tahiyah;
25. Meletakkan tangan sewaktu qiyam di bawah dada sewaktu solat;
26. Mempelajari tauhid aliran al-Asya'irah dan al-Maturidiyah seperti belajar sifat dua puluh dan mentakwil ayat-ayat mutasyabihat; dan
27. Amalan khilafiah lain yang diterima dan diamalkan tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

**E. CABUTAN ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH 2013**

Seksyen 52 :

*“Mana-mana orang yang, kecuali di tempat kediamannya sendiri dan di hadapan ahli-ahli keluarganya sahaja, mengajar apa-apa hukum atau ajaran agama Islam tanpa kebenaran atau tauliah daripada Majlis melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya”.*

**Ketua Pegawai Eksekutif,  
Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.**